



DR. WONG OI MIN

LATAR BELAKANG

Beliau mempunyai lulusan Doktor Falsafah (Ph.D) dalam Kesenian dari Nihon University, Jepun. Beliau melakukan penyelidikan di dalam bidang Teater seperti *Physical Theater* dan *Applied Theater*, community based performance, persembahan *intercultural/ cross cultural*, persembahan *interdisciplinary/ multidisciplinary*, sejarah teater Malaysia, dasar budaya dan kesenian.

Beliau yang merupakan Pensyarah dan Ketua Program Doktor Falsafah Seni Kreatif di Pusat Pengajian Pasca Siswazah ASWARA adalah seorang Pengarah, Pengkritik, *Performer*, dan Pendidik teater dan drama.

PENCAPAIAN

Beliau juga merupakan seorang kolumnis bagi majalah pendidikan Malaysia, *Anak*, pengkritik bagi *Ai FM* di Radio Televisyen Malaysia (RTM), dan hakim bagi Anugerah *ADA Drama*. Beliau juga aktif sebagai pengadil eksekutif dan pengadil teater di Anugerah *BOH Cameronian Arts*.

Hasil karya beliau di dalam teater telah dipersembahkan di festival teater antarabangsa seperti di Jepun, Kanada, Mexico, Hong Kong, dan Taiwan. Beliau juga telah dianugerahkan *ISPA Congress Fellowship*, dan sebagai jemputan *Japan Foundation Asia Center* ke *TPAM 2016*.

Beliau pernah menerbitkan artikel beliau di dalam ruang kolumnis di *Sin Chew Plus SHOW 'Shuo Xi'* bertajuk *Tracing My Creative Work based on the Belief of 'Crossing Boundaries Towards Multicultural Coexistence* pada 26 April 2017, kolumnis di majalah Anak The United Chinese School Teachers' Association of Malaysia mengenai *Eyes on Multi-culture in Japan* pada tahun 2014, dan banyak lagi artikel beliau sebagai seorang kolumnis mengenai pendidikan dan teater.